



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 ( ) 04/04

## YB MENTERI PERTAHANAN MENERUSKAN LAWATAN KERJA KE KEM TERENDAK MELAKA

1. **MELAKA, 2 Mei 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah disambut oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Muhammad Hafizuddeain bin Jantan semasa mengadakan tinjauan ke 94 Hospital Angkatan Tentera (94 HAT) serta melawat keadaan penginapan pegawai dan anggota tentera di Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Kem Terendak Melaka di Jalan Arab, hari ini.
2. Semasa lawatan, YB MENHAN menerima **taklimat berkenaan pembinaan baharu hospital 94 HAT Terendak** yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan – ATM, Leftenan Jeneral Dato' (Dr) Zulkeffeli bin Mat Jusoh.
3. Kemudiannya, YB MENHAN bergerak ke **RKAT Kem Terendak** untuk mendengar taklimat berkaitan status senggaraan RKAT yang disampaikan oleh Pegawai Memerintah Garison Terendak, Leftenan Kolonel Mohd Fadhil bin Hassan serta melihat sendiri keadaan penginapan pegawai dan anggota yang tinggal di RKAT berkenaan. Keseluruhan, **sejumlah 3,964 unit kediaman** disediakan kepada warga tentera yang bertugas di Kem Terendak dengan pecahan sebanyak **252 unit** diperuntukkan untuk **Pegawai, 802 unit** untuk **Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK)** dan **2,910 unit** untuk **Pegawai Tidak Tauliah Rendah (PTTR)**.
4. YB MENHAN dan delegasi juga menyantuni warga Kem Terendak semasa menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri di Dewan Serbaguna Kem Terendak. YB MENHAN juga telah menyerahkan **mock cheque** Peruntukan Senggaraan **RKAT Kem Terendak Tahun 2024** berjumlah RM 3,165,000.00 kepada Panglima **3 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Indera Zahari bin Mohd Ariffin** sambil **disaksikan oleh Panglima Tentera Darat**. Simbolik penyerahan peruntukan ini membuktikan Kementerian Pertahanan sentiasa cakna dan komited dalam usaha memelihara kebijakan dan kemaslahatan warga TDM.
5. Turut disempurnakan semasa majlis ini adalah **Sumbangan Pendidikan MADANI** oleh **Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLATAT)** untuk anak-anak ATM Tahun 1 sesi persekolahan 2024. Seramai **240 orang pelajar** telah

menerima insentif berjumlah RM 50.00 secara **one-off** yang dikreditkan ke dalam akaun **Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN Prime)**. Inisiatif murni ini akan memastikan anak-anak ATM memiliki akaun simpanan di PTPTN bagi memudahkan urusan pendidikan tinggi mereka pada masa hadapan.

6. Selain itu, **bantuan kebajikan** kepada **10 orang penerima dari kalangan anak anggota yang menghidap penyakit kronik** turut sama dizahirkan. Setiap kanak-kanak tersebut menerima **sumbangan tunai sebanyak RM 300.00 secara one-off** dan **sumbangan hamper bernilai RM200.00 daripada Tentera Darat Malaysia (TDM)**. Sumbangan ini mencerminkan keprihatinan TDM dalam membantu meringankan beban warga menguruskan kehidupan sehari-hari.
7. Sebagai maklumat, lawatan kerja ini adalah merupakan yang ketiga selepas YB MENHAN mengadakan lawatan ke Kem Erskine, Kuala Kubu Bharu dan Kem Seberang Takir, Terengganu, baru-baru ini.
8. Turut hadir adalah Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lettenan Jeneral Dato' Pahlawan Hj Muhammad Huzaimi bin Sabri, Panglima 10 Briged (PARA), Mejah Jeneral Dato' Khairul Azmizal Ahmad Natal, Pegawai-Pegawai Kanan TDM dan Pegawai Kanan Kementerian.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**Dikeluarkan pada 2 Mei 2024**